

STATISTIK JENAYAH, MALAYSIA, 2025: PELAKSANAAN AWAL ICCS DI MALAYSIA

PENGENALAN


Sebagai usaha memperkukuh ekosistem data jenayah negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) buat pertama kalinya telah menjajarkan statistik jenayah dengan *International Classification of Crime for Statistical Purposes* (ICCS) terbitan *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) melalui penerbitan Statistik Jenayah, Malaysia, 2025. Inisiatif ini menjadi titik permulaan kepada penyelarasan statistik jenayah negara dengan piawaian antarabangsa.

APA ITU ICCS ???

- Klasifikasi jenayah antarabangsa pertama dibangunkan oleh UNODC bagi tujuan penyelarasan data jenayah di peringkat global.
- ICCS mengklasifikasikan jenayah berdasarkan sifat perlakuan dan tindakan, bukan pada undang-undang setiap negara.
- Digunakan sebagai panduan untuk memahami, memantau dan menganalisis corak jenayah secara konsisten, berstruktur dan berasaskan bukti.

STRUKTUR ICCS

- Terdiri daripada 11 seksyen utama, merangkumi kategori jenayah seperti jenayah terhadap individu, harta benda, masyarakat dan negara.
- Setiap seksyen dipecahkan sehingga ke Tahap 4, bagi memberikan perincian yang lebih mendalam terhadap jenis dan sifat jenayah.
- Struktur hierarki ini membolehkan perbandingan data jenayah dilakukan secara konsisten di peringkat nasional dan antarabangsa.



Imbas kod QR
untuk memuat
turun dokumen
rasmi ICCS
(Versi 1.0)

11 SEKSYEN UTAMA ICCS

01 Acts leading to death or intending to cause death

02 Acts causing harm or intending to cause harm to the person

03 Injurious acts of a sexual nature

04 Acts against property involving violence or threat against a person

05 Acts against property only

06 Acts involving controlled drugs or other psychoactive substances

07 Acts involving fraud, deception or corruption

08 Acts against public order, authority and provisions of the State

09 Acts against public safety and state security

10 Acts against the natural environment

11 Other criminal acts not elsewhere classified




PENJAJARAN ICCS DI MALAYSIA

Buat pertama kalinya, Malaysia mengeluarkan statistik jenayah berdasarkan struktur ICCS melalui penerbitan Statistik Jenayah, Malaysia, 2025. Inisiatif ini dilaksanakan susulan penyertaan DOSM dalam *United Nations Survey on Crime Trends and the Operations of Criminal Justice Systems (UN-CTS) Focal Points Meeting for East and Southeast Asia* pada Jun 2025 di Jakarta, Indonesia. Langkah ini juga akan membawa Malaysia setanding dengan negara lain dalam penyediaan statistik jenayah bertaraf antarabangsa.

KEPENTINGAN PENJAJARAN ICCS:

- Penjajaran ini menjadi asas kepada pembangunan sistem statistik jenayah bersepadu yang menyokong perkongsian data antara agensi penguatkuasaan, kehakiman dan pemulihan.
- Memperkukuh kebolehbandingan data Malaysia dengan negara lain, sekaligus meningkatkan kredibiliti Malaysia dalam laporan antarabangsa berkaitan jenayah dan keadilan.
- Inisiatif ini memperkukuhkan kerjasama antara DOSM dan agensi bagi pengumpulan data jenayah dalam penyediaan statistik bersepadu.
- Penjajaran ICCS juga merupakan langkah awal ke arah pembentukan ekosistem statistik jenayah nasional yang lebih inklusif dan berasaskan piawaian antarabangsa.



Imbas kod QR untuk
mengakses Statistik
Jenayah, Malaysia, 2025

PENYEDIAAN MALAYSIA CLASSIFICATION OF CRIME FOR STATISTICAL PURPOSES (MCCS)

- Susulan penjajaran ICCS dalam penerbitan Statistik Jenayah, Malaysia, 2025, DOSM sedang dalam pembangunan untuk menerbitkan versi ICCS yang diadaptasi untuk konteks Malaysia, dikenali sebagai *Malaysia Classification of Crime for Statistical Purposes (MCCS)*.
- DOSM akan bekerjasama dengan semua agensi yang terlibat dalam rantai sistem keadilan jenayah bagi memastikan pengelasan setiap kesalahan jenayah diselaraskan dengan undang-undang dan prosedur tempatan.
- MCCS dijangka diterbitkan pada tahun 2026 dan akan menjadi rangka kerja nasional bagi penyediaan, pelaporan serta analisis statistik jenayah yang lebih seragam, menyeluruh dan sejajar dengan piawaian antarabangsa.
- Pelaksanaan MCCS dijangka meningkatkan kecekapan perkongsian data antara agensi, membolehkan analisis corak jenayah dilaksanakan dengan lebih tepat, pantas dan berasaskan bukti.
- Pembangunan MCCS menjadi langkah penting ke arah penyeragaman data jenayah negara. Usaha ini mengukuhkan kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa dalam penyediaan statistik jenayah yang telus dan berasaskan piawaian global.



KELEBIHAN ICCS

Mewujudkan rangka kerja statistik jenayah yang menyeluruh

Membina satu sistem klasifikasi statistik yang merangkumi semua jenis jenayah untuk memudahkan analisis secara terperinci dan sistematik.

Meningkatkan konsisten dan keselarasan data di peringkat nasional

Membantu memastikan data jenayah dikumpul dan diklasifikasikan secara seragam oleh semua agensi berkaitan dalam sesebuah negara.

Meningkatkan kebolehbandingan antara negara dari semasa ke semasa

Dengan pendekatan yang standard, ICCS membolehkan perbandingan data jenayah merentas negara dan juga trend dari tahun ke tahun.

Menyokong pembangunan dasar awam berasaskan bukti

Data yang konsisten dan boleh dipercayai membantu kerajaan merangka dasar pencegahan jenayah dan keadilan jenayah yang lebih berkesan.

CABARAN DALAM PENYERAGAMAN DATA JENAYAH

- **Definisi yang berbeza antara negeri/ daerah**
Definisi jenayah berbeza menyebabkan data sukar disepadukan di peringkat nasional.
- **Proses pengumpulan data**
Dari siasatan hingga pemulihan, setiap peringkat mungkin menggunakan kaedah pengumpulan data berbeza.
- **Sistem penyimpanan data**
Setiap agensi mempunyai sistem penyimpanan data yang berbeza menyebabkan tidak keseragaman format data dan isu integrasi data.



OLEH ITU, KEWUJUDAN ICCS AMAT PENTING BAGI MENYERAGAMKAN TAKRIF, PENGELASAN DAN PELAPORAN JENAYAH DI PELBAGAI PERINGKAT SERTA ANTARA AGENSI, SEKALI GUS MEMASTIKAN DATA JENAYAH LEBIH KONSISTEN, SETARA DAN BOLEH DIBANDINGKAN DI PERINGKAT NASIONAL SERTA ANTARABANGSA.

